

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG  
(RASA)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. mengapakah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) tidak diberi secara one-off kepada mereka yang layak; dan
- b. berapakah penerima yang didapati memberi maklumat palsu sejak tahun 2008 - 2016.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada tahun 2015 telah bersetuju supaya pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) disalurkan secara berperingkat kepada penerima kategori isi rumah bagi membolehkan mereka membuat perancangan perbelanjaan dengan lebih baik. Ini juga dapat memastikan agar bantuan ini dapat

dimanfaatkan sebaik-baiknya dalam tempoh setahun dan tidak dihabiskan sekaligus sekiranya menerima secara *one-off*.

Bagi kes penipuan pula, tiada penipuan secara khusus yang dikenalpasti oleh Sekretariat BR1M. Bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja menerima BR1M, Kementerian Kewangan melalui agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri akan membuat semakan semula permohonan BR1M termasuk penerima sedia ada pada setiap tahun. Proses verifikasi ini dilakukakan secara menyeluruh pada setiap tahun dengan membuat semakan data-data bersama pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi memastsikan hanya mereka yang layak sahaja menerima BR1M.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN : 260**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan usaha-usaha Kementerian dalam mencari bangkai pesawat MH370:-

- (a) adakah terdapat barangan atau bahagian pesawat itu yang telah dikenalpasti oleh pihak berkuasa dan bagaimanakah dengan anggaran perbelanjaan untuk usaha ini ; dan
- (b) setakat ini berapakah jumlah tuntutan oleh ahli keluarga mangsa MH370 yang hilang.

**JAWAPAN**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, serpihan pesawat pertama telah ditemui di perairan berhampiran Pulau Le Reunion pada 29 Julai 2015. Dalam hubungan ini, analisa yang dilakukan oleh pasukan penyiasat antarabangsa termasuk dari Malaysia, Perancis, China, Boeing, *National Transport Safety Board* (NTSB) dan *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) telah mengesahkan serpihan adalah daripada pesawat MH370 berdasarkan kepada butiran teknikal flaperon yang sepadan dengan rekod MAS.

Seterusnya, pada 27 Disember 2015, 27 Februari 2016, 22 dan 30 Mac 2016, 4 serpihan pesawat telah dijumpai masing-masing dua serpihan

pesawat di persisir pantai Mozambique dan dua serpihan pesawat di pantai Mossel Bay, Afrika Selatan dan Rodrigues Island, Mauritius.

Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mendapatkan bantuan daripada ATSB bagi menganalisa serpihan tersebut. Hasil kajian dan analisis yang dilaksanakan oleh ATSB telah mendapati ianya konsisten dengan panel pesawat Malaysia Airlines Boeing 777 dan seterusnya mengesahkan bahawa serpihan yang dijumpai hampir pasti (*almost certain*) milik pesawat B777 dengan pendaftaran 9M-MRO tersebut.

Sehingga kini, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM277,600 bagi tujuan tersebut.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, MAS telah menawarkan bayaran pampasan pendahuluan (*Advance Compensation Payment (ACP)*) dan Pakej Bantuan Krew (*Crew Assistance Package*) berjumlah USD50,000 sebagai sebahagian daripada bayaran pampasan penuh kepada setiap waris/keluarga penumpang dan anak kapal MH370.

Jumlah pampasan yang telah diberikan kepada waris-waris penumpang MH370 adalah sesuatu maklumat persendirian di antara syarikat penerbangan dan waris tersebut.

Setakat ini sebanyak 92 waris/keluarga penumpang telah menerima bayaran pampasan pendahuluan, 54 waris/keluarga penumpang telah menerima bayaran pampasan penuh dan muktamad manakala 173 waris/keluarga penumpang sedang berunding untuk pembayaran pampasan penuh dan muktamad.

